

Kita masih banyak pilihan dan cara bertindak — Mahathir

DUA LANGKAH PULIH EKONOMI

MM 10 NOV 1985



DATUK SRI
DR. MAHATHIR

^(p) ^{Dr. m.}
KUALA LUMPUR 9 Nov. — Perdana Menteri malam ini menggariskan dua langkah bertindak utama bagi memulihkan ekonomi negara tanpa bergantung kepada pemulihan ekonomi dunia.

Langkah-langkah tersebut ialah:

- Negara mengamalkan sikap hidup mengikut keupayaan dan menghapuskan sikap 'biar papa asalkan bergaya.'
- Berjimat-cermat menggunakan peruntukan negara dan menerima keputusan dan tindakan Kementerian Kewangan yang sedang membuat kajian mengenai penjaminan itu.

Perdana Menteri juga sekali lagi menghuraikan

mengenai dasar penswastaaan dan persyarikatan Malaysia sambil mengingatkan seluruh kaki tangan awam supaya jangan sekali-kali iri hati terhadap orang-orang yang menjadi kaya disebabkan tugas mereka kerana "kekayaan individu itu adalah juga kekayaan negara."

Berucap di majlis jamuan makan malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PTD) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam tadi, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa adalah tidak benar sama sekali anggapan kononnya ekonomi negara terlalu terikat dengan ekonomi dunia sehingga negara tidak dapat berbuat apa-apa.

"Kita masih mempunyai banyak pilihan dan cara bertindak yang akan membantu kita menghadapi ekonomi meleset dan memulihkannya," ujar beliau.

Mengenai langkah mengubah sikap, Perdana Menteri berkata, setiap pihak hendaklah mengakui had keupayaan masing-masing dengan menghapuskan amalan

seperti pepatah Melayu 'niat hati hendak peluk gunung, apakan daya tangan tak sampai.'

Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi lagi betapa pentingnya peningkatan daya pengeluaran diambil berat di samping mengamalkan langkah berjimat-cermat.

"Saya yakin jika kita teliti segala kuasa yang ada pada kita dan segala bidang yang boleh dipengaruhi oleh kita, kita akan mendapati bermacam-macam tindakan yang boleh diambil untuk berjimat-cermat dan meningkatkan lagi produktiviti kita," katanya.

Katanya, apabila beliau mengesyorkan supaya kakitangan kerajaan menyumbangkan 15 minit lebih daripada waktu kerja yang ditetapkan, ramai yang ketawa kononnya ia tidak berkesan.

"Jika sekarang kita bekerja tujuh jam sehari, tambahkan 15 minit bermakna tambahan 1,400 'kakitangan'

LIHAT MUKA 12

2 LANGKAH PULIH EKONOMI

10 NOV 1983

kerajaan. Sedikit sebanyak tentulah ada hasil daripada bekerja lebih ini," katanya.

Mengenai konsep persyarikatan Malaysia yang diasaskan kepada kesedaran kerajaan kewangannya berpunca daripada kegiatan swasta, maka tidak ada salahnya jika kerajaan membantu pihak swasta kerana inginkan tambahan cukai.

Katanya, yang salah ialah apabila menolong pihak swasta untuk mendapatkan sesuatu secara langsung bagi diri sendiri. "Oleh itu, mengikut konsep persyarikatan Malaysia, tugas pegawai - pegawai kerajaan ialah untuk menolong menjayakan aktiviti swasta.

"Walaupun kerana kita berkata 'ya', seseorang pe- niaga mendapat berjuta-

juta ringgit dan kita tidak mendapat apa-apa, kita masih perlu berkata 'ya'," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan pegawai - pegawai kerajaan berkenaan supaya berlaku adil kepada semua dan jangan berkata 'ya' kepada orang - orang tertentu sahaja.

"Tidak ada tempat untuk iri hati kerana kerja kita menyebabkan orang lain menjadi kaya. Yang perlu kita ingat ialah kekayaan individu menyumbang kepada kekayaan negara," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh mengenai jurang di antara sesuatu dasar dan pelaksanaan terlalu luas kerana interpretasi dasar oleh pegawai-pegawai kerajaan yang kadang kala dibuat tanpa rujukan.

Beliau mengambil contoh dasar pandang ke Timur yang disalahanggap sebagai membeli barangan dan memberi kontrak kepada negara - negara Timur, begitu juga dengan penerapan nilai-nilai Islam yang disalahanggap sebagai 'open-cheque' bagi berbuat apa sahaja atas nama penerapan nilai-nilai Islam.

"Adalah menjadi kewajipan pegawai - pegawai kerajaan bersama pemimpin politik untuk menjadikan dasar kerajaan satu kenyataan," tegasnya.